



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

TEMPAT MAKAN SEBAGAI TEMPAT DILARANG MEROKOK

Merujuk kepada laporan akhbar Borneo Post bertarikh 23 Disember 2018 berkaitan *“Smoking ban doesn’t apply to Sarawak”* saya telah menghubungi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak, YB Prof Datuk Dr Sim Kui Hian untuk mendapatkan kefahaman berkaitan isu ini. Saya merasa sangat berbesar hati kerana YB Prof Datuk Dr Sim dan Kerajaan Sarawak menyokong penuh usaha KKM dalam melaksanakan pindaan Peraturan Larangan Merokok yang melibatkan tempat makan samada berhawa dingin dan tidak berhawa dingin termasuk tempat makan terbuka. Kerajaan Negeri Sarawak melalui pihak berkuasa tempatan akan menyelaraskan undang-undang yang akan dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004), Akta Makanan 1983. Penyelarasan ini dibuat adalah bagi memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan agar pertindanan undang-undang yang melibatkan peraturan negeri dapat diatasi.

Kenyataan yang dikeluarkan pada tarikh tersebut di atas mungkin telah di salah tafsirkan oleh segelintir masyarakat berkaitan larangan merokok di tempat makan di negeri Sarawak. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menunjukkan sokongan tanpa henti berkaitan larangan merokok yang akan dikuatkuasakan ini. Saya menyeru sokongan berterusan dari segenap lapisan masyarakat agar hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat dilindungi daripada bahaya asap rokok dapat dicapai.

Selamat Menyambut Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru 2019.

YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
24 DISEMBER 2018